



SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.



Tel : 03-5514 2134 (Terus)
: 03-5544 7042 (Am)
Fax : 03-5510 3062

“KEJUJURAN DAN KETEKUNAN”

Ruj. Tuan : (14)dlm.IPK.SEL.BK.
20684/135
Ruj. Kami :
Tarikh : 28 Julai 2009.

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Semua Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri Selangor

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

Semua Anak Syarikat
di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor

YB Dato' / YAD Dato' Setia /
YBhg Dato' / Datin Paduka / Tuan / Puan,

**PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 4 TAHUN 2009**

**BERKENAAN ARAHAN MENGHADIRI TEMU DUGA BAGI
TUJUAN MEMBANTU SIASATAN YANG DILAKUKAN OLEH
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)**


Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Berikut dilampirkan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bilangan 4 Tahun 2009 berkenaan perkara di atas. Sebagai tambahan, salinan lembut (*softcopy*) Pekeliling ini boleh dimuat turun di Laman Web Rasmi Kerajaan Selangor mulai daripada tarikh surat ini dikeluarkan.

3. Justeru, YB Dato' / YAD Dato' Setia / YBhg Dato'/ Datin Paduka / Tuan / Puan adalah dipohon untuk mengambil perhatian tentang butiran keseluruhan yang terkandung pada Pekeliling tersebut.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' RAMLI BIN MAHMUD)

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

s.k.

- YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- Semua YB EXCO Kerajaan Negeri Selangor.
(Senarai edaran seperti di Lampiran)
- Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan).
- Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan).
- Fail Timbul.



KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

**PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 4 TAHUN 2009**

**BERKENAAN ARAHAN MENGHADIRI TEMU DUGA
BAGI TUJUAN MEMBANTU SIASATAN YANG DILAKUKAN OLEH
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memberi arahan kepada semua pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di bawah Pentadbiran Kerajaan Selangor, yang menerima arahan menghadiri temu duga bagi tujuan membantu siasatan yang dilakukan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

PELAKSANAAN

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor yang bermesyuarat pada 22 Julai 2009 telah membuat keputusan bahawa: -

- (a) Semua pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di bawah Pentadbiran Kerajaan Selangor **tidak dibenarkan** untuk ditemu duga (atau menjadi saksi) oleh pihak SPRM **di luar Pejabat masing-masing**.

(b) Semua perjumpaan atau proses temu duga bagi tujuan di atas mesti dilakukan di Pejabat masing-masing, dalam tempoh antara jam 8.00 pagi hingga 6.30 petang sahaja.

3. Selaras dengan keputusan tersebut, Kerajaan Selangor juga ada menyediakan khidmat guaman kepada mana-mana pegawai dan kakitangan yang memerlukannya, semasa temu duga membantu siasatan dijalankan oleh pihak SPRM. Pegawai yang memerlukan khidmat guaman ini boleh menghubungi Kamar Penasihat Undang-undang Negeri Selangor atau menghubungi terus salah seorang daripada panel peguam yang telah dilantik oleh Kerajaan Selangor, seperti di Lampiran 1.


TARIKH BERKUAT KUASA

4. Pekeliling ini berkuat kuasa dengan serta-merta mulai daripada tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

5. Semua Jabatan Kerajaan Negeri, Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah, Badan-badan Berkanun Negeri, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan Negeri (PBT) dan Anak-anak Syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Selangor hendaklah melaksanakan arahan seperti yang tertakluk pada Pekeliling ini.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DATO RAMLI BIN MAHMUD)
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

28 Julai 2009.

Dikelilingkan kepada: -

Semua Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri Selangor

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor.

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

Semua Anak Syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor

Salinan kepada: -

YAB Dato' Menteri Besar Selangor

YB Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Semua YB EXCO Kerajaan Negeri Selangor

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)

Semua Ketua Bahagian dan Seksyen (Pegawai-pegawai Kanan),
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

**SENARAI NAMA PANEL PEGUAM YANG BOLEH MEMBERI KHIDMAT
GUAMAN KEPADA PEGAWAI/KAKITANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR
YANG DIPANGGIL UNTUK MEMBANTU SIASATAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN
RASUAH MALAYSIA (SPRM)**

- 1) Puan Suzanawati Ismail , 016-9689372**
 - Peguam Jenayah Kanan berpengalaman 14 tahun mengendalikan kes-kes berat
 - Tetuan Suzana Ismail & Partners.
 - Bekas Ahli Jawatankuasa Induk Selangor Bar.

- 2) Encik Salim Bashir, 019-3741463**
 - Pengerusi, Jawatankuasa Jenayah dan Hak Asasi manusia, Selangor Bar.
 - Tetuan Salim Bashir Ruswiza & Co .
 - Ahli Jawatankuasa Induk, Selangor Bar.
 - Peguam Jenayah Kanan.

- 3) Encik Sreekant a/I M. G. Gangadharan Pillai, 016-3808727**
 - Pengerusi, Pusat Bantuan Guaman, Selangor Bar.
 - Tetuan Lim Sreekant & Co .
 - Ahli Jawatankuasa Induk, Selangor Bar.
 - Peguam Jenayah.

- 4) Encik Ariff Azami Bin Hussein, 019-36044477**
 - Ahli Jawatankuasa Kecil, Jawatankuasa Jenayah dan Hak Asasi Manusia, Selangor Bar.
 - Tetuan Azizzul & Ariff.
 - Peguam Jenayah Kanan.

- 5) Encik Hanif Bin Hassan, 012-6832161**
 - Tetuan Hanif Hassan & Co.
 - Peguam Jenayah Kanan.

- 6) Encik Imran Hadzalie Bin Abdul Hamid, 017-3105353**
 - Tetuan Elida, Imran & Partners.
 - Ahli Jawatankuasa kecil, Jawatankuasa Jenayah dan Hak Asasi Manusia.
 - Peguam Jenayah Kanan.

- 7) Encik James George Chelliah, 017-3421394**
 - Tetuan James George & Co.
 - Ahli Jawatankuasa kecil, Jawatankuasa Jenayah dan Hak Asasi Manusia.
 - Peguam Jenayah Kanan.

- 8) Encik Roger Tan, 012-2758191**
 - Peguam Jenayah.